



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS KESUMA BERHUBUNG ISU GAJI PEKERJA MIGRAN DI JOHOR

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengambil maklum laporan yang telah disiarkan di portal Free Malaysia Today (FMT) berhubung dakwaan kira-kira 80 pekerja migran di Johor yang berdepan isu tunggakan gaji. KESUMA melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) memandang serius isu kelewatan pembayaran gaji yang melibatkan syarikat Esstar Vision Sdn. Bhd yang merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan dan kejuruteraan awam.

Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan pada 16 Mac 2026, syarikat berkenaan menggajikan seramai 169 orang pekerja, terdiri daripada 65 pekerja tempatan dan 104 pekerja asing warganegara Bangladesh. Siasatan menunjukkan bahawa pembayaran gaji telah mula lewat sejak September 2025 sehingga Februari 2026. Sebahagian gaji bagi bulan September 2025 hanya dibayar secara berperingkat.

Pada tahun 2025, sebanyak 14 kes buruh telah difailkan melibatkan 29 orang pekerja tempatan dengan jumlah tuntutan sebanyak RM263,076.79. Manakala, bagi tahun 2026, sebanyak 14 fail kes buruh baharu telah dibuka melibatkan 86 orang pekerja asing dan 6 orang pekerja tempatan dengan jumlah tuntutan sebanyak RM636,414.65. Daripada jumlah tersebut, RM578,000 adalah tuntutan melibatkan pekerja asing.

Sehingga kini, JTKSM telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan dengan membuka sebanyak 16 kertas siasatan melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 19(1) dan Seksyen 69(4) Akta Kerja 1955. Lapan (8) lagi kertas siasatan masih dalam tindakan JTKSM.

Kementerian ingin menegaskan bahawa perlindungan hak pekerja merupakan keutamaan kerajaan dan sebarang pelanggaran undang-undang perburuhan tidak akan dikompromi. Sehubungan itu, YB Menteri Sumber Manusia telah mengarahkan tindakan serta merta dan siasatan lanjut terhadap syarikat ini diteruskan bagi memastikan semua aspek ketidakpatuhan diteliti secara menyeluruh dan tindakan sewajarnya dapat diambil mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

KESUMA melalui JTKSM akan terus memantau perkembangan kes ini dan memastikan kebajikan pekerja yang terjejas sentiasa diberi perhatian. Pada masa yang sama, majikan diingatkan agar mematuhi sepenuhnya undang-undang perburuhan bagi menjamin kesejahteraan pekerja serta mengekalkan amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

16 MAC 2026

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab untuk pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	